

Atasi masalah kekurangan bekalan, mengepam 50 juta liter sehari

Guna air bekas lombong bijih

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 23 April - Setelah menolak tawaran Negeri Sembilan dan Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan bekalan air mentah ke Selangor, kerajaan negeri hari ini mengumumkan pelaksanaan kerja-kerja mengepam air dari kolam-kolam bekas lombong bijih timah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air ketika ini.

Menteri, Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerja-kerja mengepam tersebut telah pun dimulakan pihaknya sejak tiga hari lalu melibatkan sembilan daripada lebih 26 bekas lombong bijih timah di negeri ini dengan menggunakan pam

air berkeupayaan tinggi yang masing-masing mampu mengepam jumlah air sebanyak 50 juta liter sehari.

Katanya, air daripada sembilan bekas lombong berkenaan yang terletak berhampiran Lembangan Sungai Selangor akan dialirkan ke Sungai Selangor sekali gus meningkatkan paras air di Empangan Sungai Selangor yang membekalkan 60 peratus keperluan penggunaan air di negeri ini.

“Kita telah mulakan kerja-kerja mengepam sejak tiga hari lalu dan kerajaan negeri hari ini telah melu-



**ABDUL KHALID
IBRAHIM**

luskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi membina infrastruktur mengepam air dari bekas lombong atau kolam-kolam sekitar Lembangan Sungai Selangor ke Sungai Selangor.

“Kerja-kerja ini akan dilakukan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dengan Pengerusi Jawatankuasa

Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Dr. Ahmad Yunus Hairi dilantik untuk menyelia kerja-kerja itu,” katanya kepada pemberita selepas

mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini hari ini.

Beliau berkata, dengan kerja-kerja mengepam itu, jangkakan keseluruhan kapasiti air yang akan dialirkan ke Sungai Selangor mengikut sasaran ialah sebanyak 900 juta liter sehari.

Pada masa sama, Abdul Khalid ketika ditanya tahap kualiti sumber air daripada kolam bekas lombong bijih timah yang terlibat termasuk kesannya kepada kesihatan pengguna, berkata itu tidak timbul sama sekali.

“Kita telah buat kajian dan air itu melepasi ujian malah Jabatan Alam Sekitar juga sebahagian daripada pasukan kerja-kerja mengepam,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Khalid menyatakan tidak akan memberikan seba-

rang insentif kepada pihak industri di Selangor yang menerima kesan dari segi kos operasi susulan catuan air yang dilaksanakan di negeri ini.

Malah, kerajaan negeri juga katanya, tidak akan memberikan sebarang kebenaran kepada pihak industri untuk mencari sendiri sumber air bawah tanah untuk menampung kegunaan operasi mereka.

“Tak payah beri insentif kepada industri, yang penting bekalan air cukup. Pihak industri juga tidak dibenarkan mencari sumber air bawah tanah sendiri meskipun kita ada sumber air itu.

“Namun, mencari sumber air bawah tanah itu adalah langkah yang terakhir dan tidak perlu dilakukan buat masa ini,” katanya.